

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1988/89

RMW 354 - Prinsip-Prinsip Pengurusan Projek Binaan I

Tarikh: 27 Oktober 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. (i) Berikan takrifan Pengurusan dan Organisasi serta bincangkan pengertian konsep-konsep tersebut.

Berikan justifikasi tentang kewujudan kedua-dua konsep tersebut.

- (ii) Melalui teori pengurusan secara pentadbiran, Fayol dan rakan-rakan telah mengemukakan 7 (tujuh) proses pengurusan iaitu ramalan, perancangan, menyusunatur, motivasi, kawalan, kordinasi dan komunikasi.

Bincangkan proses-proses tersebut dengan memberi contoh-contoh berkaitan dengan industri binaan.

(20 markah)

2. (i) Terangkan secara ringkas, bagaimana evolusi teori-teori organisasi dan pengurusan berlaku serta kenalpastikan aspek-aspek penting pada setiap tahap evolusi yang dapat dipelajari.

(ii) Mengapakah teori sistem dan kontigensi dianggap sebagai satu konsep yang boleh diterima dan sesuai dengan keadaan sekarang?

(20 markah)

3. (i) Terangkan pengertian alam persekitaran organisasi.

Bincangkan kepentingan konsep ini di dalam memahami proses interaksi di antara organisasi dengan alam persekitarannya.

(ii) Bincangkan ciri-ciri alam persekitaran am dan alam persekitaran tugas.

Bagaimanakah pihak pengurusan patut bertindak di dalam suasana alam persekitaran yang dinamik dan tidak menentu?

(20 markah)

4. (i) Apakah yang anda faham dengan konsep tuju arah organisasi?

(ii) Kenalpasti dan bincangkan tiga (3) tahap tuju arah organisasi.

- (iii) Bagaimanakah pengurusan perlu memainkan peranan di dalam mengawal tuju arah dan menyelesaikan sebarang percanggahan yang berlaku?

(20 markah)

5. (i) Terangkan pengertian motivasi dan hubungannya dengan kelakuan individu.

- (ii) Pilih salah satu daripada teori-teori motivasi yang telah dipelajari dan bincangkan dengan memberi contoh-contoh berkaitan dengan industri binaan.

- (iii) Di dalam teori keperluan hirarki, Abraham Maslow menyebut bahawa tahap pencapaian kepuasan di peringkat kesedaran diri (self-actualization) adalah paling rendah sekali.

Bincangkan.

(20 markah)

6. (i) Terangkan pengertian konsep kepimpinan dan kaitannya dengan sistem pengaruh.

- (ii) Kenalpastikan tiga (3) gaya kepimpinan yang telah anda pelajari serta bincangkan perbezaan di antara ketiga-tiganya.

- (iii) Apakah faktor-faktor penting yang perlu dititik-beratkan jika seseorang itu ingin menjadi seorang pengurus yang berkesan?

(20 markah)

7. "Sistem pengurusan ialah berkenaan dengan membuat keputusan untuk perancangan dan kawalan perjalanan sebuah organisasi". Bincangkan di dalam konteks industri binaan.

(20 markah)